

01 JUL 2000

Mustapa-Strategi

TUGAS AWAL MUSTAPA RANCANG STRATEGI TAWAN SEMULA KELANTAN

LABUAN, 1 Julai (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang baru, Datuk Mustapa Mohamed berkata tugas awal beliau selepas dilantik memegang pucuk kepimpinan parti di negeri itu ialah merancang strategi untuk menawan semula Kelantan pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau juga akan berbincang dengan "kawan-kawan" dalam Perhubungan Umno Kelantan bagi tujuan itu.

"Kita belum melihat kekuatan yang ada pada kita, kita perlu melihat kelemahan kita. Harus ada keberanian melaksanakan tanggungjawab dan tugas supaya kita dapat bergerak dengan berekesan bagi memenangi kembali hati pengundi di Kelantan," katanya selepas merasmikan Ekspo Jubli Emas RIDA/MARA 2000 di sini hari ini.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas pelantikan beliau sebagai Pengerusi Umno Kelantan yang diumumkan oleh Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalid Yaakob semalam.

Mustapa berkata matlamat Umno kini ialah untuk memastikan ia dapat memenangi kembali hati rakyat Kelantan kerana negeri itu mempunyai ramai penduduk Melayu.

"Umno perlu membuktikan bahawa ia dapat menarik minat orang Melayu di Kelantan dan sekiranya Umno berjaya sudah pasti ia boleh berjaya di tempat lain," katanya.

Mustapa berkata walaupun tidak menyangka atas pelantikan itu, namun beliau akan memikul tanggungjawab itu dengan sepenuh cabaran khususnya dalam menghadapi parti Pas.

"Saya tidak menyangka dilantik ke jawatan itu kerana sudah memegang banyak jawatan lain (dalam kerajaan dan parti)," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas pelantikan itu.

-- BERNAMA

MFZ FAZ